

Gangguan bekalan air di Selangor, KL minggu depan
Astro Awani
16 Julai 2019

KUALA LUMPUR: Beberapa kawasan di daerah Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula 23 hingga 26 Julai ini.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan berkata penutupan bekalan air itu bagi memberi laluan kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) yang akan dilaksanakan pada jam 9 pagi pada 23 Julai ini.

Kerja-kerja penambahbaikan ini adalah bagi meningkatkan kecekapan sistem bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Oleh kerana tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi dan altitud premis pelanggan, pengguna boleh menyemak maklumat berkaitan gangguan serta status terkini melalui aplikasi 'Air Selangor' di Google Play atau App Store.

Maklumat juga boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang www.syabas.com.my atau hubungi talian 15300 atau WhatsApp ke nombor 019-2800919 atau 019-281679 untuk pertanyaan dan bantuan.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/gangguan-bekalan-air-di-selangor-kl-minggu-depan-212771>